

Penularan COVID-19

# Sistem kesihatan negara mampu ‘perangi’ wabak

**KKM berjaya kenal pasti punca jangkitan, persediaan pusat kuarantin cukup**

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pelbagai langkah dan pendekatan diambil kerajaan bagi menangani penularan COVID-19 di seluruh negara menunjukkan kemampuan sistem kesihatan negara yang bersedia ‘berperang’ dengan wabak itu.

**Rakyat dilihat belum bersedia mengamalkan norma baharu sedangkan virus ini mungkin akan kekal bersama kita bagi tempoh lama.**

**Sazaly Abu Bakar,  
Pakar virologi**



Pakar kesihatan awam Dr Ahmad Zaid Fattah Azman, berkata walaupun jumlah kes jangkitan baharu mencatatkan peningkatan mendadak ketika ini, keadaan secara keseluruhannya masih terkawal.

“Tidak dinafikan berlaku lonjakan kes jangkitan di Kedah, Sabah serta negeri lain, tetapi ia terkawal dengan Kementerian Kesihatan berjaya mengenal pasti punca jangkitan itu berlaku.

“Kapasiti sistem kesihatan awam ini mencukupi di samping persediaan pusat kuarantin yang dijadikan pusat rawatan COVID-19 jika hospital sedia ada tidak lagi mampu jumlah pesakit luar jangka,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin kelmarin yang menyifatkan sistem kesihatan negara lebih bersedia menangani penularan COVID-19 ketika ini berbanding sebelum ini.

Ahmad Zaid Fattah yang juga pensyarah di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, keupayaan sistem kesihatan ne-



**Kakitangan KKM melakukan ujian saringan mengesan virus COVID-19.**

gara itu tidak akan bermakna jika masyarakat tidak memiliki kesedaran tinggi memerangi wabak itu.

“Jika masyarakat memiliki kesedaran tinggi dan peka dengan keadaan sebenar, ini akan memudahkan lagi pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang dieluarkan kerajaan.

“Yang penting masyarakat perlu bersama kerajaan memerangi COVID-19 dengan mengamalkan SOP ditetapkan,” katanya.

Sementara itu, pakar virologi, Prof Dr Sazaly Abu Bakar berkata, sudah sampai masa masyarakat mengadaptasi norma baharu dalam kehidupan sebagai langkah membendung penularan COVID-19.

Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC) itu berkata, walaupun sistem kesihatan negara ketika ini bersedia menangani penularan COVID-19 berbanding sebelum ini, apa yang

menjadi cabaran adalah keupayaan masyarakat mengekalkan disiplin diri.

“Rakyat dilihat belum begitu bersedia mengamalkan norma baharu sedangkan virus ini mungkin akan kekal bersama kita bagi tempoh lama.

“Walaupun, kerajaan lebih bersedia, disiplin kalangan rakyat masih kurang, inilah masalahnya. Rakyat perlu segera berubah untuk menerima norma baharu,” katanya.

Beliau berkata, amalan kerja yang diamalkan pada masa ini juga perlu berubah bagi mengelak muncul jangkitan baharu kerana sesiapa saja boleh dijangkiti dan boleh mewujudkan kluster lebih besar jika tidak ditangani segera.

“Melihat kepada pecahan jangkitan, peningkatan kes mendadak di kawasan tertutup seperti penjara, pusat tahanan dan mereka yang kembali dari Sabah, sesuatu perlu dilakukan bagi mengelak ia berulang,” katanya.